

Tindak balas kimia berbahaya di rumah!

Jun 2016



Tahukah anda bahawa mencampurkan beberapa pencuci rumah boleh membawa maut? Banyak produk pembersih mengandungi ammonia akueus. Satu lagi bahan kimia yang sering digunakan di rumah kita adalah peluntur – iaitu larutan air natrium hipoklorit. Kita menambah peluntur untuk mendobi, dan juga menggunakannya untuk pembersihan am dan pembasmian kuman di dalam rumah. Jika anda mencampurkan kedua-dua bahan kimia ini, tindak balas kimia tersebut menghasilkan gas toksik dipanggil chloramines. Terhidu kepada gas-gas ini boleh membawa maut. Anda boleh mencari banyak lagi laporan kecederaan serius dan juga kematian akibat daripada pencampuran bahan kimia, serta bahan kimia yang kebiasaannya digunakan di rumah, di Internet.

Pada Beacon bulan hadapan, kita akan membincangkan alat yang dipanggil matriks interaksi kimia, dimana banyak organisasi gunakan untuk berkomunikasi mengenai bahaya yang mungkin akan timbul dari mencampurkan bahan kimia yang tidak serasi.

Apa yang anda boleh lakukan?

- Kongsi Beacon ini dengan keluarga dan rakan-rakan anda.
- Terapkan pengetahuan mengenai proses keselamatan anda di rumah! Oleh kerana anda bekerja dengan bahan-bahan dan proses berbahaya, anda mempunyai pengalaman dan latihan yang berharga ketika bekerja. Ingatkan rakan-rakan anda dan keluarga untuk mengikuti langkah-langkah keselamatan seperti yang anda lakukan di tempat kerja apabila mengendalikan bahan-bahan berbahaya. Anda boleh menyelamatkan nyawa mereka! Sebagai contoh:
- Sentiasa membaca label amaran pada produk isi rumah, dan ikuti langkah berjaga-jaga yang disyorkan apabila menggunakannya dan juga cara penyimpanan.
- Sentiasa gunakan peralatan pelindung yang disarankan seperti yang dinyatakan pada label produk.
- Apabila bekerja dengan bahan-bahan berbahaya di rumah, sentiasa memastikan bahawa anda mempunyai pengudaraan yang baik di kawasan kerja untuk melupuskan wap berbahaya.
- Jangan campurkan produk isi rumah kecuali anda benar-benar memahami akan interaksi dan akibat yang mungkin berlaku.
- Terapkan contoh yang baik untuk rakan-rakan dan keluarga anda. Apabila anda menggunakan bahan-bahan berbahaya di rumah, perlakukan mereka sama seperti yang anda lakukan di tempat kerja. Jika anda melihat orang lain mengendalikan bahan-bahan berbahaya dan tiada langkah keselamatan yang betul, bantu mereka untuk memahami bagaimana untuk menggunakan bahan-bahan tersebut dengan selamat.

Kongsi dan bawa pengetahuan keselamatan anda ke rumah!

©AIChE 2016. All rights reserved. Reproduction for non-commercial, educational purposes is encouraged. However, reproduction for any commercial purpose without express written consent of AIChE is strictly prohibited. Contact us at ccps_beacon@aiiche.org or 646-495-1371.